

PRINSIP PERAKAUNAN

Topikal Kertas 1 *Percubaan SPM 2020*

Mengandungi soalan:

Pulau Pinang

Perlis

Terengganu

Kelantan

Johor

Daerah Batu Pahat

Daerah Kulai

EDISI MURID

Muat turun bahan prinsip perakaunan
<https://mhdazlan.wordpress.com>

NAMA:

KELAS:

SEKOLAH:

MODUL 1 – PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

1. Akauntan harus profesional, berkemahiran dan berkeupayaan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik terhadap pelanggan.

Apakah etika profesion perakaunan yang dimaksudkan?

- A Integriti
- B Kerahsiaan
- C Kompetensi
- D Sifat profesional

BATU PAHAT 2020

2. Antara yang berikut manakah pengguna luaran penyata kewangan?

- A Audit dalaman
- B Pihak bank
- C Kakitangan
- D Pemilik

BATU PAHAT 2020

3. Situasi berikut berkaitan dengan Syarikat Yumi Berhad

Lembaga Pengarah Syarikat Yumi Berhad tidak bercadang untuk menukar kaedah susut nilai aset bukan semasa perniagaannya malah kaedah yang sama terus digunakan pada masa akan datang.



Berpandukan situasi di atas, apakah konsep perakaunan yang dipatuhi oleh Syarikat Yumi Berhad?

- A Wang sebagai ukuran
- B Usaha berterusan
- C Prinsip kos
- D Ketekalan

PULAU PINANG 2020

4. Berikut merupakan ciri – ciri sebuah perniagaan.



- Menanggung liabiliti terhad
- Keuntungan diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis milikan perniagaan itu?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan Tunggal
- D Syarikat Berhad

PULAU PINANG 2020

5. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Sarhan.

Membayar sewa sebanyak RM450 setiap bulan

Apakah andaian perakaunan yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Ketekalan
- B Usaha berterusan
- C Wang sebagai ukuran
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

PERLIS 2020

6. Maklumat berikut merujuk kepada ciri-ciri bagi entiti perniagaan.

- Tanggungan Liabiliti : Terhad
- Pemilikan : 1 hingga 50 orang
- Hayat perniagaan : Berterusan

Apakah perniagaan yang mempunyai ciri-ciri tersebut?

- A Kedai Burger Ramli
- B Tetuan Ahmad, Lim & Ravi
- C Koperasi Kakitangan Awam Berhad
- D Syarikat Pharma Tani Sendirian Berhad

PERLIS 2020

7. Puan Melia mengambil RM500 daripada perniagaan untuk membayar yuran kelas piano anaknya dan tidak direkod sebagaiambilan. Apakah andaian atau prinsip yang tidak dipatuhi oleh beliau.

- A Prinsip kos
- B Entiti berasingan
- C Wang sebagai ukuran
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

TERENGGANU 2020

8. Situasi berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Mathu.

Encik Mathu memulakan perniagaan futsal pada 1 Mac 2020. Tempoh perakaunannya berakhir pada setiap enam bulan.

Berdasarkan situasi di atas, pernyataan manakah menepati tempoh perakaunan tersebut.

- A 1 Mac 2020 hingga 30 April 2020
- B 1 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020
- C 1 Mac 2020 hingga 31 Ogos 2020
- D 1 Mac 2020 hingga 28 Feb 2021

TERENGGANU 2020

9. Pilih pernyataan yang paling tepat tentang perakaunan.

- A Meliputi proses simpan kira sahaja
- B Perancangan dan kawalan terhadap aktiviti perniagaan
- C Aktiviti merekod urus niaga berdasarkan sistem catatan bergu
- D Mencakupi simpan kira, mentafsir dan melapor maklumat kewangan

KELANTAN 2020

10. Apakah tujuan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) ditubuhkan?

- A Mengendali latihan dan peperiksaan bagi profesion perakaunan
- B Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan
- C Menentukan skop dan penggunaan piawaian perakaunan
- D Melatih akauntan dan juru audit bertauliah

KELANTAN 2020

11. Manakah organisasi perniagaan yang mempunyai ciri berikut:

Milikan	: Pemegang syer maksimum 50
Pengurusan	: Anggota Lembaga Pengarah
Keuntungan	: Dividen
Liabiliti	: Terhad

- A Perkongsian
- B Kelab dan Persatuan
- C Syarikat Awam Berhad
- D Syarikat Sendirian Berhad

KELANTAN 2020

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri kualitatif penyata kewangan.

Penyata kewangan ini bebas daripada sebarang kesilapan fakta dan tidak bersifat berat sebelah.

Pilih ciri yang tepat berdasarkan pernyataan di atas.

- A Relevan
- B Kebolehfahaman
- C Kebolehbandingan
- D Kebolehpercayaan

KELANTAN 2020

13. Maklumat berikut merujuk kepada Syarikat Tekun Sdn Bhd:

Kerani akaun merekod lekapan pada harga belian RM4 000 walaupun harga pasaran RM3 500.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh kerani tersebut?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Usaha Berterusan
- D Pengiktirafan Hasil dan Belanja

KELANTAN 2020

14. Pernyataan berikut menerangkan salah satu etika profesion perakaunan.

Seorang akauntan tidak boleh berkompromi dan berat sebelah serta tidak terpengaruh oleh mana-mana pihak yang berkepentingan semasa menjalankan tugas.

Apakah ciri etika profesion perakaunan yang dimaksudkan?

- A Objektiviti
- B Integriti
- C Kerahsiaan
- D Kompetensi

JOHOR 2020

15. Siapakah pengguna dalaman Penyata Kewangan?

- A Pembekal
- B Pelanggan
- C Lembaga pengarah
- D Lembaga Hasil Dalam Negeri

JOHOR 2020

16. Pada 1 Jun 2017, Covid Enterprise telah membeli sebuah premis berharga RM300 000. Penilaian yang dijalankan pada tahun 2020 menunjukkan nilai pasaran premis tersebut adalah RM350 000. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, perniagaan tersebut masih merekod premis pada harga belian iaitu RM300 000 walaupun harga pasaran ialah RM350 000.

Apakah prinsip perakaunan yang terlibat?

- A Prinsip kos
- B Ketekalan
- C Entiti berasingan
- D Usaha berterusan

JOHOR 2020

17. Berikut ialah ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Modal disumbangkan oleh para pekongsi
- Liabiliti terhad
- Diuruskan oleh pekongsi yang aktif

Berdasarkan pernyataan di atas, perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Kedai Telekomunikasi Berjaya
- B Syarikat Teknologi Bhd.
- C Firma Peguam Johnny dan Jenny
- D Koperasi Usahawan

JOHOR 2020

18. Simpan kira merupakan proses

- A merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza
- B mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan
- C merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan sistem catatan bergu
- D menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan

KULAI 2020

19. Luca Pacioli diberikan gelaran "Bapa Perakaunan" kerana beliau telah

- A mencipta kaedah Venice
- B memulakan sistem catatan bergu
- C menerbitkan pelbagai karya perakaunan
- D memperkenalkan Sistem Catatan Bergu secara bertulis

KULAI 2020

20. Ciri Kualitatif Penyata Kewangan termasuk

- I Kebolehbandingan
- II Kebolehfahaman
- III Keseragaman
- IV Pemasaan
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

KULAI 2020

21. Antara yang berikut, manakah yang merupakan perniagaan milikan tunggal?

- A Han San Berhad
- B Melati Putih Sdn Bhd
- C Pemborong Klasik Emas
- D Delta Travelling dan Keluarga

KULAI 2020

MODUL 2 – KLASIFIKASI AKAUN & PERSAMAAN PERAKAUNAN

1. Apakah komponen yang terdapat di dalam Akaun Perdagangan?

A Belanja
 B Kos jualan
 C Aset semasa
 D Liabiliti semasa

BATU PAHAT 2020

2. Berikut merupakan kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Kedai Alat tulis Aina.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
(350)	(400)	50

Pernyataan manakah yang menunjukkan urus niaga di atas?

A Menjelaskan hutang berjumlah RM400 dengan cek RM350, diskaun diterima RM50
 B Menerima bayaran berjumlah RM350 daripada Akaun belum Terima, diskaun diberi RM50
 C Sebuah mesin taip bernilai RM400 dijual secara kredit pada harga RM350
 D Inventori alat tulis bernilai RM350 dijual secara kredit pada harga RM400

BATU PAHAT 2020

3. Norman Enterprise menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

Kod	Jenis Akaun
1000 – 1999	Hasil
2000 – 2999	Belanja
3000 – 3999	Aset
4000 - 4999	Liabiliti
5000 - 5999	Ekuiti Pemilik

Nombor kod yang sesuai bagi Akaun Alat Tulis ialah

A 1002
 B 2020
 C 3003
 D 4010

BATU PAHAT 2020

4. Butiran yang manakah merupakan liabiliti semasa bagi sesebuah perniagaan?

I Pinjaman bank dan Akaun Belum Bayar
 II Akaun Belum Bayar dan sewa belum bayar
 III Overdraf bank dan sewa belum terperoleh
 IV Pinjaman bank dan faedah atas pinjaman belum bayar

A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

PULAU PINANG 2020

5. Apakah item yang dikategorikan sebagai Aset Semasa?

A Gadai janji
 B Komisen belum terima
 C Sewa belum terperoleh
 D Faedah atas pinjaman belum bayar

PERLIS 2020

6. Maklumat berikut merupakan kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Tiada kesan

Urus niaga manakah yang menunjukkan kesan di atas?

- A Menerima pinjaman daripada bank
- B Membayar gaji belum bayar menggunakan cek
- C Membayar kadar bayaran dengan menggunakan tunai
- D Menerima diskaun daripada Akaun Belum Bayar dengan tunai

PULAU PINANG 2020

7. Pilih padanan yang betul.

	Jenis Akaun	Kategori Akaun	Baki
A	Dividen	Belanja operasi	Kredit
B	Faedah atas overdraf bank	Belanja bukan operasi	Debit
C	Komisen jualan	Hasil operasi	Debit
D	Insurans	Hasil bukan operasi	Kredit

PERLIS 2020

8. Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Qusairy.

Menjelaskan hutang kepada Pembekal Rosman sebanyak RM3 800 dan menerima diskaun sebanyak RM200

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	(RM3 800)	(RM3 800)	(RM200)
B	+RM3 800	+RM3 800	+RM200
C	(RM3 800)	(RM4 000)	+RM200
D	+RM3 800	(RM4 000)	(RM200)

PERLIS 2020

9. Antara klasifikasi akaun berikut yang manakah betul?

	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Insurans prabayar	Alat tulis
II	Tunai	Alatan pejabat
III	Komisen belum terima	Mesin fotostat
IV	Deposit diterima	Susut nilai Mesin fotostat

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

TERENGGANU 2020

10. Manakah di antara akaun kontra berikut benar dengan akaun induk?

	Akaun Kontra	Akaun Induk
A	Pulangan Keluar	Jualan
B	Angkutan Masuk	Belian
C	Peruntukan hutang ragu	Akaun Belum Terima
D	Susut nilai	Aset Bukan Semasa

KELANTAN 2020

11. Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Dobi Mesra:

Belanja ubah suai kedai dobi dibayar dengan pinjaman bank sebanyak RM30 000.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Dobi Mesra?

- A Aset bertambah, Liabiliti bertambah, Ekuiti pemilik berkurang
- B Aset bertambah, Liabiliti berkurang, Ekuiti pemilik tidak berubah
- C Aset bertambah, Liabiliti tidak berubah, Ekuiti pemilik bertambah
- D Aset bertambah, Liabiliti bertambah, Ekuiti pemilik tidak berubah

TERENGGANU 2020

12. Berikut adalah Carta Akaun Kedai Firdaus Maju.

Kod	Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Hasil
4000 - 4999	Belanja

Akaun manakah yang betul bagi kod 1250?

- A Simpanan Tetap
- B Susut nilai Alatan Pejabat
- C Dividen
- D Gaji

TERENGGANU 2020

13. Antara butir berikut, manakah dikelaskan sebagai aset?

- I Tunai dan Simpanan Tetap
- II Overdraf bank dan modal
- III Pelaburan dan pinjaman
- IV Premis dan inventori

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

14. Butir yang manakah merupakan belanja bukan operasi bagi sebuah kedai dobi layan diri?

- A Alat tulis
- B Sewa kedai dobi
- C Belian bahan pencuci
- D Rugi pelupusan mesin basuh

JOHOR 2020

15. Pemilik Restoran Sedap telah membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaannya.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
C	Bertambah	Berkurang	Tiada kesan
D	Bertambah	Tiada kesan	Berkurang

JOHOR 2020

16. Easy Trading menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

Kod item	Jenis akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Belanja
4000 - 4999	Hasil

Apakah kod bagi akaun gadai janji?

- A 1001
- B 2002
- C 3003
- D 4001

JOHOR 2020

17. Manakah antara berikut komponen Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Aset bukan semasa
- B Jualan
- C Untung kasar
- D Hasil

KULAI 2020

18. Antara butir-butir berikut, yang manakah dikelaskan sebagai aset?

- I Overdraf bank, Modal
- II Kenderaan, Simpanan Tetap
- III Tunai, Akaun belum terima
- IV Akaun belum bayar, Pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

KULAI 2020

19. Inventori pada harga kos RM2 560 dijual secara kredit sebanyak RM5 460. Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas aset dan ekuiti pemilik?

	Inventori	Akaun belum terima	Modal
A	Berkurang	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Bertambah	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah	Berkurang

KULAI 2020

20. Antara berikut, pasangan manakah yang benar?

	Akaun Induk	Akaun Kontra
I	Belian	Pulangan masuk
II	Jualan	Pulangan keluar
III	Akaun belum terima	Peruntukan hutang ragu
IV	Aset bukan semasa	Susut nilai terkumpul

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KULAI 2020

MODUL 3 – DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT

1. Dokumen berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

RESIT RASMI		SALINAN
DELIMA TRADING		No: 0020
32, Jalan Matahari, 86100 Ayer Hitam Johor.		Tarikh: 15 September 2020
Diterima daripada	: <u>Kedai Anis</u>	
Sebanyak	: <u>Tujuh Ratus Sahaja</u>	
Untuk bayaran	: <u>Menjelaskan invois(diskaun tunai RM20)</u>	
<u>RM700</u>		Safie
Tunai / No. cek : MBB 123456		(Pengurus)

Apakah kegunaan dokumen di atas?

- A Bukti pembelian barang niaga secara tunai
- B Mengurangkan jumlah dalam invois
- C Menambah jumlah dalam invois
- D Bukti penerimaan tunai atau cek

BATU PAHAT 2020

2. Maklumat berikut diperoleh daripada Noorzie Enterprise.

ASAL		INV1346		
INVOIS				
Syarikat Wawasan Lot 112, Taman Universiti, 83000 Batu Pahat				
Noorzie Enterprise No. 8, Jalan Megah, 83000 Batu Pahat			Tarikh : 10 Julai 2020	
Bil	Butiran	Harga seunit (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Air Mineral Dasa	9.00	100	900.00
	Jumlah			900.00
Ringgit Malaysia: Sembilan Ratus Sahaja				
Syarat : 5% 7 hari 2% 14 hari				
<i>Noor</i> Penerima		<i>Ahmad</i> Pengurus		

Berapakah jumlah yang perlu dijelaskan oleh Noorzie Enterprise jika pembayaran dibuat pada 17 Julai 2020?

- A RM18
- B RM45
- C RM855
- D RM882

BATU PAHAT 2020

3. Situasi di bawah berlaku dalam Perniagaan Adam.

- Digunakan dalam urus niaga secara kredit
- Diskaun niaga dan diskaun tunai dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ini

Dokumen manakah menepati pernyataan di atas?

- A Invois
B Memo
C Nota kredit
D Resit Rasmi

PULAU PINANG 2020

4. Dokumen di bawah adalah keratan cek Syarikat Iman Emas Sdn Bhd.

Maybank Berhad		
Tarikh	: 21 Januari 2020	
Penerima	: Syarikat Iman Emas Sdn Bhd	
Kerana	: kegunaan pejabat	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	17 000	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	17 000	00
Cek ini	2 000	00
Baki	15 000	00
No. Cek : MBB700132		

Apakah urus niaga yang berlaku pada 21 Januari 2020 ?

- A Mengeluarkan tunai dari bank untuk belian alatan pejabat
B Mengeluarkan tunai dari bank untuk belian barang niaga
C Mengeluarkan tunai dari bank untuk keperluan pejabat
D Mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan sendiri

PULAU PINANG 2020

5. Antara berikut, manakah dokumen yang melibatkan perekodan urus niaga di sebelah kredit Buku Tunai?

- I Nota kredit
II Keratan cek
III Makluman kredit
IV Baucar pembayaran

- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

PERLIS 2020

6. Pilih padanan yang betul

	DOKUMEN	KETERANGAN
A	Slip Deposit cek	Slip bayaran yang dikeluarkan daripada mesin daftar tunai.
B	Slip wang masuk	Borang yang diisi apabila cek dibankkan.
C	Slip Pindahan Wang	Dokumen yang diisi untuk membuat pindahan wang.
D	Slip Transaksi Perbankan Elektronik	Resit yang dikirim kepada pengguna melalui e-mel.

TERENGGANU 2020

7. Dokumen perniagaan di bawah diterima oleh Kedai Kasut Ai.

ASAL	NOTA DEBIT	ND236
Kilang Kasut Ceria 34, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu		
Kepada Kedai Kasut Ai 67, Taman Semarak 21300 Kuala Nerus, Terengganu		
		Tarikh: 5 Julai 2020
Bil	Butir	Jumlah (RM)
1	20 pasang Kasut Ceria Bertumit Rata dalam INV1107 yang berharga RM70 sepasang terkurang caj RM5 sepasang.	100.00
JUMLAH		100.00
Ringgit: Seratus sahaja		
<i>Dania</i> Penerima		<i>Aisyah</i> Pengurus

Kenapa Kilang Kasut Ceria menghantar dokumen perniagaan tersebut?

- A Mengurangkan hutang Kilang Kasut Ceria.
- B Menambahkan hutang Kilang Kasut Ceria.
- C Mengurangkan hutang Kedai Kasut Ai.
- D Menambahkan hutang Kedai Kasut Ai.

TERENGGANU 2020

8. Dokumen apakah yang tidak dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli?

- A Invois
- B Nota Kredit
- C Penyata Akaun
- D Pesanan Belian

KELANTAN 2020

9. Pernyataan manakah yang menerangkan tentang dokumen sumber dan dokumen bukan sumber?

- I Dokumen sumber digunakan untuk kerja-kerja perekodan
- II Dokumen bukan sumber dijadikan sebagai rujukan sahaja
- III Contoh- contoh dokumen sumber ialah penyata bank dan nota belian
- IV Dokumen bukan sumber dikeluarkan oleh pembeli

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JOHOR 2020

10. Syarikat Adiwira Sdn. Bhd. menerima dokumen yang menyatakan sejumlah amaun telah ditambahkan ke dalam akaunnya kerana dua sebab berikut.

- Faedah simpanan tetap yang telah sampai tempoh matang
- Dividen atas pelaburan

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

JOHOR 2020

11. Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Ali Baba Enterprise.

Ali Baba menghantar dokumen kepada pelanggannya untuk mengurangkan bayaran yang dikenakan kerana kesilapan terlebih caj.

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

KULAI 2020

12. Pilih padanan yang SALAH.

DOKUMEN

- A Slip Daftar Tunai
- B Slip Deposit Cek
- C Slip Pindahan Wang
- D Slip Transaksi Perbankan Elektronik

KETERANGAN

Slip bayaran yang dikeluarkan daripada mesin daftar tunai
 Borang yang diisi apabila cek dibankkan
 Dokumen yang diisi untuk membuat pindahan wang
 Resit yang dikirim kepada pengguna melalui e-mel.

KULAI 2020

13. Dokumen perniagaan di bawah diterima oleh Kedai Kasut Ilmi Chantiq.

ASAL	NOTA DEBIT	ND226
Kilang Kasut Ceria 34, Kawasan Perindustrian Senai, 81400, Senai, Johor.		
Kepada Kedai Kasut Ilmi Chantiq 67, Taman Putri 81000, Kulai, Johor		
		Tarikh: 5 Julai 2020
Bil	Butir	Jumlah (RM)
1	20 pasang Kasut Ceria Bertumit Rata dalam INV117 yang berharga RM80 sepasang terkurang caj RM5 sepasang.	100.00
JUMLAH		100.00
Ringgit: Seratus sahaja <i>Ilmi</i> Penerima <i>Aisyah</i> Pengurus		

Kenapa Kilang Kasut Ceria menghantar dokumen perniagaan tersebut?

- A Mengurangkan hutang Kilang Kasut Ceria
- B Menambahkan hutang Kilang Kasut Ceria
- C Mengurangkan hutang Kedai Kasut Ilmi Chantiq
- D Menambahkan hutang Kedai Kasut Ilmi Chantiq

KULAI 2020

MODUL 4 – BUKU CATATAN PERTAMA

1. Apakah tujuan penyediaan Jurnal Am?
 - A Merekodkan semua urusan niaga yang tidak boleh direkodkan dalam mana-mana Buku Catatan Pertama yang lain
 - B Merekodkan semua belian dan jualan barang niaga
 - C Merekodkan pembelian aset bukan semasa
 - D Merekodkan semua urusan niaga tunai

BATU PAHAT 2020

2. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?
 - I Membeli barang niaga secara tunai
 - II Membeli barang niaga secara kredit
 - III Memulangkan barang niaga yang rosak
 - IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BATU PAHAT 2020

3. Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Aniazme Trading.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan RM	Pembayaran RM	Analisis Pembayaran	
					Alat tulis	Tambang
2020					RM	RM
Sept 1	Bank		100			
12	Pen marker			20	20	
17	Tambang teksi			32		32
24	Kertas A4			26	26	
			?	?	46	32
30	Baki	h/b		?		

Berapakah bayaran balik yang diterima daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM22
- B RM78
- C RM100
- D RM156

BATU PAHAT 2020

4. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Haikal.

Perniagaan Haikal menjual pelbagai cenderamata secara kredit kepada Kedai Borhan sebanyak RM5 600

Buku catatan pertama manakah yang digunakan untuk merekodkan urusan niaga tersebut?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Pembayaran Tunai

PULAU PINANG 2020

5. Antara berikut, urusan niaga manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai sebelah kredit?
 - A Membeli barang niaga secara kredit
 - B Membayar hutang kepada pembekal
 - C Membawa masuk tunai ke dalam perniagaan
 - D Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri

PULAU PINANG 2020

6. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- A Membayar gaji pekerja
- B Membayar belanja pos
- C Membayar sewa kedai
- D Menjual barang niaga dengan tunai

PULAU PINANG 2020

Soalan 7 dan 8 adalah berdasarkan kepada dokumen daripada Buku Perniagaan SMART.

7.

Tarikh	:	16 Mei 2020															
Penerima	:	Perniagaan SMART															
Untuk	:	Kegunaan Perniagaan															
<table> <tr> <td>Baki akhir</td><td>23 000</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Deposit</td><td>3 000</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>26 000</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Cek ini</td><td>2 500</td><td>00</td></tr> <tr> <td>Baki</td><td>23 500</td><td>00</td></tr> </table>			Baki akhir	23 000	00	Deposit	3 000	00	Jumlah	26 000	00	Cek ini	2 500	00	Baki	23 500	00
Baki akhir	23 000	00															
Deposit	3 000	00															
Jumlah	26 000	00															
Cek ini	2 500	00															
Baki	23 500	00															
RHB 235762																	

Berapakah jumlah pengeluaran yang dibuat oleh Perniagaan SMART?

- A RM2 500
- B RM3 000
- C RM23 000
- D RM26 000

PERLIS 2020

8. Manakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

A

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
		RM	RM	2020		RM	RM
				Mei 16	Tunai		X

B

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
		RM	RM	2020		RM	RM
				Mei 16	Bank	X	

C

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM	2020		RM	RM
Mei 16	Tunai		X	Mei 16	Bank	X	

D

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM	2020		RM	RM
Mei 16	Bank	X		Mei 16	Tunai		X

PERLIS 2020

9. Perniagaan Bestari merekod urus niaga melibatkan tunai ke dalam Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit. Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

A Merekod belanja kecil
 B Mengawal wang masuk dan wang keluar
 C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
 D Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan

TERENGGANU 2020

10. Jurnal berikut diperoleh daripada Kedai Poorini:

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2020 Feb 9	Alatan pejabat Mimi Enterprise (X)	2 800	2 800

Apakah keterangan yang sesuai dengan X?

A Membeli komputer secara tunai
 B Membeli komputer secara kredit
 C Menjual komputer secara kredit
 D Membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan

TERENGGANU 2020

11. Urus niaga manakah yang akan direkodkan dalam Jurnal Khas

A Ambilan barang niaga untuk promosi
 B Jualan aset bukan semasa secara kredit
 C Pulangan barang niaga kepada pembekal
 D Membawa masuk sebuah perabot untuk kegunaan perniagaan

KELANTAN 2020

12. Manakah yang tidak berkaitan dengan Buku Tunai Runcit

A sistem panjar
 B merekod semua pembayaran
 C mempunyai lajur analisis
 D pengasingan tugas

KELANTAN 2020

13. Maklumat berikut di peroleh daripada perniagaan Hafiz Trading:

	RM
Peruntukan Dana Runcit yang ditetapkan	500
Baki Tunai Runcit pada 1 Mei 2020	280
Pembayaran dalam bulan Mei 2020 :	
Belanja pejabat	90
Tambang	35
Pelbagai	60

Hitung amaun maksimum yang boleh dituntut oleh juruwang runcit

A RM35
 B RM95
 C RM185
 D RM315

KELANTAN 2020

14. Pada 1 Julai 2020, Suri Trading memulakan penggunaan Buku Tunai Runcit dengan dana permulaan RM300.

Berikut adalah petikan Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai 2020

Tarikh 2020	Analisis bayaran				
	Pos	Alat tulis	Tambang	Folio	Pelbagai
Julai 3	27				
5	18		15		
7			45		
15		30			
18				LB5	65
21		15			
24		10			
30	12				

Hitung jumlah bayaran balik yang dituntut pada 31 Julai 2020.

- A RM63
B RM128
C RM172
D RM237

KELANTAN 2020

15. Dokumen 1 diberikan oleh seorang pengurus kepada kerani akaunnya.

MEMO Tarikh : 20 Julai 2020 Kepada: Kerani Akaun Sila rekodkan ambilan inventori (pen "Faber Castell") RM150 untuk tujuan promosi. <i>Hakimi</i> T.T. Pengurus
--

Dokumen 1

Berdasarkan dokumen 1 di atas, catatan bergu yang manakah betul?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belian	Akaun Inventori
B	Akaun Ambilan	Akaun Belian
C	Akaun Promosi	Akaun Inventori
D	Akaun Promosi	Akaun Belian

JOHOR 2020

16. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Gadget Zizie.

BUKU TUNAI									
Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank
	Z		RM	RM				RM	RM

Apakah butiran bagi Z ?

- A Belian
B Jualan
C Insurans
D Kadar bayaran

JOHOR 2020

17. Pada 2 April 2020, Perniagaan Perabot Alfa telah menghantar nota debit kepada Kedai Runcit Kisyen. Dalam buku catatan pertama manakah kerani akaun Perniagaan Perabot Alfa merekodkan urus niaga tersebut?

A Buku Tunai Runcit
 B Jurnal Belian
 C Jurnal Jualan
 D Buku Tunai

KULAI 2020

18. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am?

I Ambilan tunai
 II Ambilan barang niaga
 III Belian barang niaga secara kredit
 IV Jualan aset bukan semasa secara kredit

A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV

KULAI 2020

19. Jurnal Pulangan Belian berikut diperoleh daripada Perniagaan Intelek.

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2020 Mei 17	Cerdas Jaya Enterprise	1126	890

Antara urus niaga berikut yang manakah berkaitan dengan catatan dalam Jurnal Pulangan Belian di atas?

A Perniagaan Intelek menghantar nota kredit bernilai RM890 kepada Cerdas Jaya Enterprise
 B Perniagaan Intelek menerima nota kredit bernilai RM890 daripada Cerdas Jaya Enterprise
 C Perniagaan Intelek menghantar nota debit bernilai RM890 kepada Cerdas Jaya Enterprise
 D Perniagaan Intelek menerima nota debit bernilai RM2 890 daripada Cerdas Jaya Enterprise

KULAI 2020

20. Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Sofea Aqilah.

2020
Julai 10 Terima cek daripada Akaun Belum Terima iaitu Zalika Trading berjumlah RM2 580

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

A Debit **Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM
Jul 10	Zalika Trading	2 580	

B Debit **Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM
Jul 10	Zalika Trading		2 580

C **Buku Tunai Kredit**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM
Jul 10	Zalika Trading	2 580	

D **Buku Tunai Kredit**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM
Jul 10	Zalika Trading		2 580

KULAI 2020

21. Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Aisya Enterprise.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Fol	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran	
					Belanja Pos	Belanja Pejabat
2020			RM	RM	RM	RM
Jun 01	Baki b/b		45			
1	Bank		155			
10	Bunga pejabat			55		55
20	Setem			25	25	
24	Pos berdaftar			18	18	
26	Minuman pelanggan			30		30
			200	128	43	85
30	Baki h/b			?		
			200	200		

Berapakah baki akhir Buku Tunai Runcit Aisya Enterprise?

- A** RM45
B RM72
C RM115
D RM157

KULAI 2020

MODUL 5 – LEJAR

1. Pasangan manakah merupakan akaun nyata ?

	Akaun A	Akaun B
A	Akaun Modal	Akaun Komisen Diterima
B	Akaun Kadar bayaran	Akaun Lengkapan
C	Akaun Perabot	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Alatan Pejabat	Akaun Inventori

BATU PAHAT 2020

2. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Fiza

Fiza menjelaskan hutang sebanyak RM1 600 kepada Pembekal Hazim dengan cek selepas mengambil kira diskaun tunai.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Bank Diskaun diterima	Pembekal Hazim
B	Bank	Pembekal Hazim Diskaun diterima
C	Pembekal Hazim Diskaun diterima	Bank
D	Pembekal Hazim	Bank Diskaun diterima

BATU PAHAT 2020

3. Maklumat berikut adalah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi Kedai Buku Delaili.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Jun 30	Bank	6 200	Jun 1	Baki b/b	2 000
	Kontra	320			

Maklumat tambahan:

- i) Baki Akaun Belum Bayar pada 30 Jun 2020 ialah RM2 200
 ii) Faedah dikenakan oleh pembekal RM600

Berapakah belian kredit ?

- A** RM 1 720
B RM 2 920
C RM 6 120
D RM 7 320


BATU PAHAT 2020

4. Apakah Lejar Subsidiari?

- A** Buku yang merekodkan urus niaga secara kredit sahaja
B Buku yang merekodkan hasil dan belanja sepanjang tahun
C Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun untuk merekod pelbagai urus niaga
D Buku yang merekodkan urus niaga yang berkaitan dengan akaun belum terima dan akaun belum bayar

PULAU PINANG 2020

5. Rajah di bawah menunjukkan aset-aset bagi Perniagaan Kerepek Maju.



Lejar apakah yang sesuai untuk merekodkan aset-aset tersebut?

- A Lejar Am
- B Lejar Khas
- C Lejar Belian
- D Lejar Jualan

PULAU PINANG 2020

6. Maklumat di bawah ini diambil daripada buku perakaunan Kedai Roti Din pada 31 Julai 2020:

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Julai 2020	6 370
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Julai 2020	4 350
Cek diterima daripada Akaun Belum Terima	5 300
Diskaun diberi	120
Jualan tunai	2 300
Hutang lapuk terpulih	300

Berapakah jumlah jualan Kedai Roti Din ?

- A RM3 400
- B RM5 400
- C RM5 700
- D RM6 000

PULAU PINANG 2020

7. Petikan Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diperolehi daripada buku perniagaan Thaqif Enterprise pada bulan September 2020.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Sept 30	X		Sept 1	Baki b/b	1 820
			30	Y	

Padanan manakah yang betul ?

	X	Y
A	Pulangan Keluar	Jualan
B	Pulangan Masuk	Jualan
C	Pulangan Keluar	Belian
D	Pulangan Masuk	Belian

PERLIS 2020

8. Berikut ialah maklumat dari Lejar Perniagaan Ramadhan

2019		RM
Jan. 1	Baki debit Lejar Jualan	8 690
Dis. 31	Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	52 430
	Diskaun diberi	1 260
	Pulangan masuk	1 680
	Hutang lapuk	550
	Baki debit Lejar Jualan	9 720

Berapakah jumlah jualan Kredit.

- A RM38 540
B RM47 230
C RM55 920
D RM56 950

TERENGGANU 2020

9. Cantik Alat tulis Enterprise menjalankan perniagaan alat tulis.

Belian kabinet RM3 100 secara kredit daripada Perabot Kemas Bhd

Tentukan catatan bergu bagi urus niaga tersebut.

	Debit	Kredit
A	Perabot	Bank
B	Cantik Alat tulis Enterprise	Perabot Kemas Bhd
C	Perabot	Perabot Kemas Bhd
D	Cantik Alat tulis Enterprise	Perabot

KELANTAN 2020

10. Kenalpasti manakah kegunaan lejar yang tepat

- A Mengklasifikasi semua akaun
B Merekod urus niaga dan pelarasan
C Menyenarai akaun bagi komponen kos jualan
D Mengenalpasti baki debit dan kredit setiap akaun

KELANTAN 2020

11. Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi perniagaan Telus Enterprise

Dt			Akaun Kawalan Belum Bayar			Kt		
Tarikh		Butir	Jumlah	Tarikh		Butir	Jumlah	
2020				2020				
Jun 30	Bank		4 510	Jun 1	Baki b/b		5 700	
	X		1 990	30	Belian		3 900	
	Baki h/b		3 300		Faedah		200	
			9 800				9 800	

Manakah butir yang **tidak** boleh dicatat sebagai X.

- A Kontra
B Angkutan
C Pulangan Belian
D Diskaun Diterima

KELANTAN 2020

12. Akaun yang manakah merupakan akaun nominal?

- I Akaun Faedah Diterima
- II Akaun Mesin
- III Akaun Pinjaman
- IV Akaun Angkutan Keluar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JOHOR 2020

13. Pemilik Marvelous Enterprise membayar insurans nyawa dengan menggunakan wang perniagaan.

Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Insurans	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Insurans
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Insurans	Akaun Modal

JOHOR 2020

14. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Wacana.

	RM
Baki awal Akaun Kawalan Belum Bayar	6 345
Belian kredit	55 470
Belian tunai	2 040
Baki akhir Akaun Kawalan Belum Bayar	5 625

Berapakah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar?

- A RM54 150
- B RM54 750
- C RM56 190
- D RM58 230

JOHOR 2020

15. Akaun berikut diperoleh daripada Kedai Kain Mazilah, akan dikelaskan kepada dua jenis lejar.

Akaun Perabot		
	RM	
Kedai Perabot Jimmy	2 250	
Kedai Perabot Jimmy		
		RM
	Perabot	2 250

Apakah jenis lejar tersebut?

	Akaun Perabot	Kedai Perabot Jimmy
A	Lejar Am	Lejar Belian
B	Lejar Am	Lejar Am
C	Lejar Belian	Lejar Am
D	Lejar Belian	Lejar Belian

KULAI 2020

16. Catatan bergu manakah yang betul untuk merekodkan pulangan belian barang niaga?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Bayar	Akaun Belian
B	Akaun Belum Bayar	Akaun Pulangan Belian
C	Akaun Belian	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Pulangan Belian	Akaun Belian

KULAI 2020

17. Maklumat di bawah ini diperolehi daripada rekod perakaunan Perniagaan Ah Wee.

2019	RM
Jan 1 Baki debit Lejar Jualan	3 550
Dis 31 Penerimaan oleh Akaun Belum Terima	45 750
Diskaun diberi	790
Peruntukan Hutang Ragu	225
Pulangan masuk	820
Hutang Lapuk	216
Jualan Tunai	24 100
Baki Lejar Jualan	8 310

Berapakah jualan kredit Perniagaan Ah Wee?

- A** RM52 561
B RM76 436
C RM52 336
D RM52 363

KULAI 2020

MODUL 6 – IMBANGAN DUGA

1. Catatan Imbangan Duga manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Jualan	Ambilan
B	Belian	Insurans
C	Pinjaman	Akaun Belum Terima
D	Pulangan Jualan	Faedah Atas Simpanan

BATU PAHAT 2020

2. Saizal Mursidi Enterprise mempunyai 4 jenis barang niaga yang belum dijual pada 30 April 2020. Maklumat nilai kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga adalah seperti berikut:

Barang	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
P	200	177
Q	700	2 000
R	720	120
S	162	241

Berapakan nilai inventori akhir ?

- A RM 1 159
B RM 1 782
C RM 2 538
D RM 3 161

BATU PAHAT 2020

3. Petikan Imbangan Duga di bawah ini berkaitan dengan Perniagaan Zaiton.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2020		
	Debit RM	Kredit RM
Sewa	3 600	
Diskaun		175
Pulangan	620	
Faedah		230

Maklumat yang manakah bertepatan dengan Imbangan Duga di atas ?

- A Sewa Dibayar RM3 600 dan Diskaun Diterima RM175
B Sewa Diterima RM3 600 dan Diskaun Diberi RM175
C Pulangan Belian RM620 dan Faedah Diterima RM230
D Pulangan Jualan RM620 dan Faedah Diberi RM230

PULAU PINANG 2020

4. Maklumat berikut berkaitan dengan inventori Perniagaan Elektrik KK, sebuah perniagaan yang menjual kipas meja.

2020	
Januari 1	Baki inventori kipas meja ialah sebanyak 60 unit berkos RM4 200.
Januari 10	Jual 40 unit kipas meja pada harga RM90 seunit secara tunai.
Januari 15	Beli 20 unit kipas meja pada harga RM70 seunit secara kredit daripada Kilang E&E.
Januari 21	Pemilik mengambil 1 unit kipas meja untuk kegunaan sendiri.

Berapakah nilai inventori pada 31 Januari 2020 untuk Perniagaan Elektrik KK?

- A RM1 910
B RM1 930
C RM2 710
D RM2 730

PULAU PINANG 2020

5. Maklumat berikut diambil daripada Imbangan Duga Perniagaan Riang Gembira:

Imbangan Duga pada 31 Mac 2020 (petikan)		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	7 760	
Akaun Belum Bayar		30 000
X		5 000

Apakah butiran X?

- A Ambilan
- B Pulangan Masuk
- C Sewa belum diperolehi
- D Faedah atas simpanan belum terima

TERENGGANU 2020

6. Antara berikut, manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga?

	Debit (RM)	Kredit (RM)
I Alatan pejabat	5 000	
II Angkutan keluar		50
III Pulangan belian	110	
IV Diskaun diberi	120	

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

TERENGGANU 2020

7. Kedai Runcit Mesra mengamalkan sistem inventori berkala. Pilih ciri-ciri sistem inventori yang diamalkannya

- I Inventori barang niaga ditentukan melalui pengiraan fizikal
- II Kaedah ini biasanya digunakan oleh perniagaan bersaiz besar
- III Inventori barang niaga ditentukan melalui rekod yang terperinci
- IV Kaedah ini biasanya digunakan oleh perniagaan bersaiz kecil dan sederhana

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

8. Catatan Imbangan Duga yang manakah benar?

	Debit	Kredit
A Perabot		Promosi
B Belian		Insurans
C Jualan		Inventori
D Pulangan Jualan		Komisen Diterima

JOHOR 2020

9. Genie Café telah menggunakan nilai inventori akhir yang lebih tinggi dalam penyediaan Penyata Kewangan.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap kos jualan dan untung kasar?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A Lebih Rendah		Lebih Tinggi
B Lebih Tinggi		Lebih Rendah
C Lebih Rendah		Lebih Rendah
D Lebih Tinggi		Lebih Tinggi

KULAI 2020

10. Maklumat berikut dipetik daripada buku Kedai Alat tulis Putera.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Diskaun	2 520	1 960
Pulangan	1 050	2 940

Berapakah amaun diskaun diberi?

- A RM560
B RM1 960
C RM2 520
D RM4 480

JOHOR 2020

11. Petikan Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Perniagaan Sivam Pasu.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Premis	90 700	
Belian	43 250	
Duti Import	1 200	
X	600	
Y		450
Modal		45 000

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Akaun Belum Bayar	Ambilan
B	Akaun Belian	Inventori akhir
C	Jualan	Diskaun diberi
D	Angkutan keluar	Pulangan Belian

KULAI 2020

MODUL 7 – PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL TANPA PELARASAN

1. Item-item manakah yang digunakan untuk mengira kos jualan?

I Jualan, diskaun diterima, inventori
 II Belian, inventori awal, insurans kedai
 III Belian, inventori awal, insurans atas belian
 IV Inventori akhir, angkutan masuk

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

BATU PAHAT 2020

2. Catatan penutupan Akaun Belian manakah yang betul?

A				Akaun Belian	
Inventori awal	4 000	Ambilan	3 000		
Akaun Belum Bayar	12 000	Baki h/b	13 000		
	<u>16 000</u>		<u>16 000</u>		
Baki b/b	13 000				
B				Akaun Belian	
Bank	4 000	Ambilan	3 000		
Akaun Belum Bayar	12 000	Akaun Untung Rugi	13 000		
	<u>16 000</u>		<u>16 000</u>		
C				Akaun Belian	
Bank	4 000	Ambilan	3 000		
Akaun Belum Bayar	12 000	Akaun Perdagangan	13 000		
	<u>16 000</u>		<u>16 000</u>		
D				Akaun Belian	
Inventori awal	4 000	Ambilan	3 000		
Akaun Belum Bayar	12 000	Akaun Penamat	13 000		
	<u>16 000</u>		<u>16 000</u>		

UBAHSUAI BATU PAHAT 2020

3. Antara butir berikut yang manakah akan mengurangkan nilai kos jualan?

- A Diskaun Diterima
 B Pulangan Jualan
 C Pulangan Belian
 D Diskaun diberi

PULAU PINANG 2020

4. Antara berikut yang manakah item yang diambil kira semasa mengira modal kerja?

- A Perabot
 B Gadai janji
 C Overdraf bank
 D Inventori awal

PULAU PINANG 2020

5. Butiran manakah yang dicatat dalam komponen Kos Jualan?

- I Belian
- II Jualan
- III Pulangan Keluar
- IV Pulangan Masuk
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

PERLIS 2020

6. Maklumat inventori akhir dalam Akaun Perdagangan digunakan untuk menghitung?

- A Kos Jualan
- B Kos Belian
- C Belian bersih
- D Kos barang untuk dijual

TERENGGANU 2020

7. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Alex pada 30 Jun 2020.

	RM
Inventori awal	5 300
Inventori akhir	2 300
Belian	14 540
Pulangan masuk	280
Duti belian	150

Berapakah kos jualan?

- A RM14 260
- B RM14 410
- C RM17 410
- D RM17 690

TERENGGANU 2020

8. Faedah atas pinjaman belum bayar dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai

- A Aset Semasa
- B Liabiliti Semasa
- C Aset Bukan Semasa
- D Liabiliti Bukan Semasa

TERENGGANU 2020

9. Antara yang berikut, butir manakah akan menambahkan kos jualan?

- I Pulangan masuk
- II Pulangan keluar
- III Inventori awal
- IV Angkutan masuk
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

JOHOR 2020

10. Butir yang manakah direkodkan dalam Akaun Perdagangan?

- A Inventori Awal
- B Insurans Prabayar
- C Gaji Belum Bayar
- D Inventori Alat Tulis

JOHOR 2020

11. Berikut adalah petikan Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Zamrud Enterprise.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2020			
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan	20 000	5 000	15 000
Aset Semasa			
Bank		5 000	
Akaun Belum Terima		2 000	
		<u>7 000</u>	
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar		1 500	
K			<u>5 500</u>
			20 500

Apakah butiran bagi K?

- A Modal Awal
- B Modal Akhir
- C Modal Kerja
- D Modal Tambahan

JOHOR 2020

12. Maklumat di bawah ini menunjukkan inventori akhir Kedai Kasut Sunshine.

	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Kasut Sukan	4 500	4 320
Kasut Tumit	5 150	5 200
Kasut Sekolah	3 450	3 400

Catatan manakah yang betul?

- A Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Inventori	12 870	
Akaun Perdagangan		12 870

- B Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Perdagangan	12 870	
Akaun Inventori		12 870

- C Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Inventori	12 920	
Akaun Perdagangan		12 920

- D Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Perdagangan	12 920	
Akaun Inventori		12 920

KULAI 2020

13. Butir manakah yang akan menambahkan kos belian?

- A Gaji
- B Jualan
- C Duti import
- D Angkutan keluar

KULAI 2020

14. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Ezzati pada 31 Disember 2019.

	RM
Inventori Akhir	11 800
Akaun Belum Bayar	4 200
Bank	5 000
Faedah pinjaman belum bayar	500
Sewa belum terima	70
Perabot	4 400
Komisen diterima	300

Berapakah nilai modal kerja?

- A RM12 470
- B RM11 170
- C RM16 570
- D RM12 170

KULAI 2020

MODUL 8 - PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

1. Berikut ialah maklumat diperoleh daripada Perniagaan Arina pada akhir tempoh perakaunan 31 Julai 2020.

Sewa telah dibayar RM7 500
Sewa belum dibayar RM3 000

Berdasarkan maklumat di atas, manakah catatan dalam Akaun Untung Rugi yang menunjukkan konsep pengiktirafan hasil dan belanja dipatuhi?

A	Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020
	Sewa dibayar 10 500
B	Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020
	Sewa dibayar 10 500
C	Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020
	Sewa dibayar 7 500
D	Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020
	Sewa dibayar 7 500

BATU PAHAT 2020

2. Apakah catatan bergu bagi mewujudkan peruntukan hutang ragu?

	Debit	Kredit
A	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Terima
B	Akaun Belum Terima	Peruntukan Hutang Ragu
C	Peruntukan Hutang Ragu	Hutang Ragu
D	Hutang Ragu	Peruntukan Hutang Ragu

BATU PAHAT 2020

3. Indah Berhad membeli sebuah mesin bernilai RM19 000. Mesin tersebut dijangka boleh digunakan selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap mesin dianggarkan sebanyak RM3 200.

Berapakah susut nilai mesin tersebut?

- A** RM1 580
B RM1 850
C RM13 800
D RM15 800

BATU PAHAT 2020

4. Butir-butir berikut dipetik dari Imbangan Duga pada 31 Oktober 2020.

Imbangan Duga pada 31 Oktober 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mesin (kos)	20 000	
Susut Nilai Berkumpul Mesin		12 000

Mesin ini telah dijual dengan harga RM6 000.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan mesin tersebut?

- A** Rugi pelupusan mesin RM2 000
B Rugi pelupusan mesin RM8 000
C Untung pelupusan mesin RM2 000
D Untung pelupusan mesin RM8 000

JOHOR 2020

5. Maklumat di bawah ini diperoleh daripada Kedai Sukan Emas pada 30 Jun 2020.

	Dt.	Kt.
Peralatan Sukan (kos)	RM40 000	
Susut nilai terkumpul mesin		RM8 000

Maklumat Tambahan:

Polisi kedai menetapkan peralatan sukan disusut nilaikan menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 10% setahun. Pada 30 Jun 2020, peralatan sukan tersebut dijual pada harga RM27 600.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi atas pelupusan RM400
- B Rugi atas pelupusan RM8 400
- C Untung atas pelupusan RM400
- D Untung atas pelupusan RM8 400

BATU PAHAT 2020

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Reno.

Perniagaan Reno telah menandatangani wang perniagaan dengan membuka Akaun Simpanan Tetap berjumlah RM15 000 pada 1 Ogos 2019 untuk tempoh 9 bulan dengan kadar faedah simpanan sebanyak 4% setahun. Tahun kewangan Perniagaan Reno berakhir pada 31 Mac 2020.

Berapakah faedah atas simpanan yang direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020?

- A RM350
- B RM400
- C RM450
- D RM600

PULAU PINANG 2020

7. Maklumat yang berikut diambil daripada buku perakaunan Perusahaan Mauri :

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Sewa belum terperoleh	900	-
Sewa belum terima	-	1 800

Maklumat tambahan:

Sewa diterima dengan cek RM8 100.

Berdasarkan maklumat di atas, hitung jumlah sewa yang sepatutnya diterima pada tahun kewangan ini.

- A RM8 100
- B RM9 000
- C RM9 900
- D RM10 800

PULAU PINANG 2020

8. Wawa Trading membekalkan maklumat yang berikut mengenai aset bukan semasa perniagaannya.

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Kenderaan	40 000	100 000
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan	11 100	?

Maklumat tambahan:

Sebuah kenderaan peribadi bernilai RM60 000 dibawa masuk oleh pemilik pada 1 Januari 2020. Kadar susut nilai yang ditetapkan ialah 15% setahun kaedah baki berkurangan.

Hitungkan susut nilai terkumpul kenderaan pada 30 Jun 2020?

- A RM8 835
- B RM13 335
- C RM19 935
- D RM24 435

PULAU PINANG 2020

Soalan 9 dan 10 berdasarkan maklumat di bawah.

Berikut adalah petikan Imbangan Duga pada 30 September 2020 bagi sebuah perniagaan.

Imbangan Duga pada 30 September 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian dan Jualan	12 369	20 699
Komisen	511	868
Sewa	5 500	11 000

Pada 30 September 2020, didapati pemilik masih belum menjelaskan sewa RM500.

9. Berdasarkan Imbangan Duga tersebut, berapakah amaun bagi Sewa Diterima yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi perniagaan tersebut?
- A RM5 500
 - B RM6 000
 - C RM11 000
 - D RM11 500

PERLIS 2020

10. Apakah butir dan amaun yang akan direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Sewa prabayar RM500
 - B Sewa belum bayar RM500
 - C Sewa belum terima RM500
 - D Sewa belum diperolehi RM500

PERLIS 2020

11. Catatan bergu yang manakah digunakan untuk merekod Akaun Belum Terima yang tidak mampu membayar hutangnya ?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang Lapuk
B	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Terima
C	Akaun Belum Terima	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Terima

JOHOR 2020

12. Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Darisha.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	11 820	
Peruntukan hutang ragu		350

Maklumat tambahan:

Nota kredit yang dihantar kepada seorang pelanggan RM570 belum direkodkan. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima bersih.

Pilih komponen dan amaun yang betul bagi Peruntukan Hutang Ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A Belanja RM100
- B Belanja RM450
- C Hasil RM450
- D Hasil RM100

PERLIS 2020

13. Maklumat berikut diperolehi daripada DM Enterprise bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020.

	RM
Premis	85 450
Kenderaan	55 500
Inventori 1 September 2019	2 147
Inventori 31 Ogos 2020	3 234
Akaun Belum Terima	5 169
Akaun Belum Bayar	3 539
Modal 1 September 2019	187 245
Ambilan	355
Bank	34 369
Insurans	1 200
Kadar bayaran	276

Maklumat di atas belum mengambil kira:

- (i) Susut nilai kenderaan pada kadar 20% setahun atas kos.
- (ii) Insurans yang dibayar sehingga 30 September 2020.
- (iii) Bil air tertunggak RM125.

Berapakah modal kerja?

- A RM39 208
- B RM41 355
- C RM180 854
- D RM186 890

PERLIS 2020

14. Sewa premis bagi Dila Enterprise ialah RM1 500 sebulan. Pada akhir tempoh perakaunan, pemilik telah membayar sewa sebanyak RM20 000. Tempoh perakaunan bagi Dila Enterprise adalah setahun.

Pilih padanan yang betul.

	Akaun Untung Rugi	RM	Penyata Kedudukan Kewangan	RM
A	Sewa	18 000	Sewa belum bayar	2 000
B	Sewa	18 000	Sewa prabayar	2 000
C	Sewa	20 000	Sewa belum bayar	2 000
D	Sewa	20 000	Sewa prabayar	2 000

PERLIS 2020

15. Berikut merupakan maklumat daripada Kedai Runcit Harmoni pada 31 Disember 2019. Untung kasar bagi kedai tersebut ialah RM25 505.

	RM
Modal awal	55 600
Kenderaan	35 500
Faedah diterima	250
Gaji pekerja	3 550
Ambilan	755
Kadar bayaran	765

Susut nilai kenderaan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah garis lurus. Berdasarkan maklumat di atas, manakah yang benar?

**A Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)**

	EKUITI PEMILIK	RM
Modal awal		55 600
(-) Rugi bersih		14 340
		41 260
(-) Ambilan		755
Modal akhir		40 505

**B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)**

	EKUITI PEMILIK	RM
Modal awal		55 600
(-) Rugi bersih		14 340
		41 260
(+) Ambilan		755
Modal akhir		42 260

**C Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)**

	EKUITI PEMILIK	RM
Modal awal		55 600
(+) Untung bersih		14 340
		69 940
(-) Ambilan		755
Modal akhir		69 185

**D Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019
(Petikan Ekuiti Pemilik)**

	EKUITI PEMILIK	RM
Modal awal		55 600
(+) Untung bersih		14 340
		69 940
(+) Ambilan		755
Modal akhir		70 695

PERLIS 2020

16. Manakah antara berikut bukan merupakan sebab sesuatu aset bukan semasa dilupuskan.

- A Keusangan
- B Peredaran masa
- C Mempunyai nilai ekonomi
- D Berteknologi konvensional

KELANTAN 2020

17. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Shaikhah:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	8 900	
Peruntukan hutang ragu		120

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% daripada Akaun Belum Terima bersih. Berapakah Peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A 298
- B 178
- C 120
- D 58

TERENGGANU 2020

18. Pilih pernyataan yang tepat mengenai hasil belum terima.

- I Disenaraikan sebagai hasil di Akaun Untung Rugi
- II Ditunjukkan sebagai Liabiliti Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan
- III Diambil kira untuk pengiktirafan hasil pada akhir tempoh perakaunan
- IV Hasil yang sepatutnya diterima tetapi belum lagi diterima dalam tahun kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

19. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Sukara Enterprise pada 30 Jun 2020.

	RM
Akaun Belum Terima	12 800
Hutang Lapuk	300
Peruntukan hutang ragu (pada 1 Julai 2019)	820

Maklumat tambahan: Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih. Hitung jumlah yang akan dikontrakan pada Akaun Belum Terima pada 30 Jun 2020.

- A RM180
- B RM195
- C RM625
- D RM640

KELANTAN 2020

20. Pada 30 April 2020, Syarikat Sweet Space Sdn Bhd telah membayar premium insurans tahunan RM360. Tempoh perakaunan syarikat tersebut berakhir bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Berapakah belanja insurans bagi tahun 2020?

- A RM 120
- B RM 180
- C RM 240
- D RM 360

JOHOR 2020

21. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Syarikat Bersatu.

	RM
Akaun Belum Terima	9 600
Peruntukan Hutang Ragu (1 Januari 2020)	450
Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 6% atas Akaun Belum Terima.	

Berapakah jumlah peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM 126
B RM 450
C RM 576
D RM 1 026

JOHOR 2020

22. Berikut adalah petikan dari Imbangan Duga.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	75 000	
Alatan Pejabat	10 500	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		1 500
Susut Nilai Terkumpul Alatan Pejabat		700
Hutang Lapuk	100	

Maklumat tambahan:

- (i) Susut nilai kenderaan ditetapkan 10% setahun mengikut garis lurus manakala susut nilai alatan pejabat ditetapkan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
(ii) Sebuah kereta bernilai RM80 000 telah dibeli secara kredit pada 31 Julai 2020.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM1 500
B RM2 250
C RM7 500
D RM9 000

JOHOR 2020

23. Pilihan manakah yang menunjukkan catatan peruntukan hutang ragu yang **betul** dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A	Aset Semasa	RM
	Akaun Belum Terima	60 000
	- Penambahan hutang ragu	(600)
		59 400
B	Aset Semasa	RM
	Akaun Belum Terima	60 000
	- Peruntukan hutang ragu	(600)
		59 400
C	Aset Semasa	RM
	Akaun Belum Terima	60 000
	- Pengurangan hutang ragu	(600)
		59 400
D	Aset Semasa	RM
	Untung bersih	60 000
	- Peruntukan hutang ragu	(600)
		59 400

JOHOR 2020

24. Syarikat Warisan membeli alat tulis bernilai RM350 pada tahun 2019. Pada 31 Disember 2019, sebanyak RM120 alat tulis masih belum digunakan.

Pilih catatan yang betul dalam Penyata Kewangan.

	Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Alat tulis RM350	Inventori alat tulis RM120
B	Alat tulis RM230	Inventori alat tulis RM350
C	Alat tulis RM230	Inventori alat tulis RM120
D	Alat tulis RM350	Inventori alat tulis RM230

KULAI 2020

25. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Seri Makmur.

	1 September 2019	31 Ogos 2020
Sewa prabayar	300	600
Buku Tunai		
	RM	
Sewa	4 200	

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM3 300
B RM3 900
C RM4 500
D RM5 100

KULAI 2020

26. Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Khuzairi.

Perniagaan Khuzairi		
Imbangan Duga pada 30 Jun 2020		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	9 600	
Peruntukan Hutang Ragu		360

Maklumat tambahan:

- a) Hutang lapuk telah dihapuskan sebanyak RM800.
b) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah amaun Peruntukan Hutang Ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM72
B RM96
C RM264
D RM277

KULAI 2020

27. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Wangi pada 1 Julai 2019.

	RM
Kenderaan (kos)	60 000
Susut nilai terkumpul	11 400

Kenderaan disusut nilaikan pada kadar 10% menggunakan kaedah baki berkurangan.
Kenderaan tersebut dijual pada harga RM42 500 pada 30 Jun 2020.

Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A** Rugi pelupusan RM1 240
- B** Untung pelupusan RM1 240
- C** Rugi pelupusan RM6 100
- D** Untung pelupusan RM6 100

KULAI 2020

MODUL 9 – PEMBETULAN KESILAPAN

- Kesilapan manakah yang tidak ketara dalam Imbangan Duga?
 - Terima komisen RM350 secara tunai hanya direkod dalam Buku Tunai
 - Diskaun diterima RM80 telah direkodkan dalam Akaun Diskaun diberi
 - Belian secara kredit RM688 telah direkod dengan RM668 dalam Akaun Belian
 - Jualan alatan pejabat RM1 200 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Jualan
- Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan ARUZ

Imbangan Duga pada 31 Disember 2019

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Perabot (kos)	5 800	
Belanja membaiki	350	
Ambilan	1 800	
Belian	12 450	

Maklumat Tambahan

- Belanja membaiki perabot RM140 tersilap rekod ke dalam Akaun Perabot.

Pilih Penyata Kewangan yang betul setelah kesilapan (i) dibetulkan.

A Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Belanja membaiki	RM140
------------------	-------

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	RM5 660

B Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Belanja membaiki	RM490
------------------	-------

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	RM5 660

C Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Belanja membaiki	RM210
------------------	-------

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	RM5 940

D Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Belanja membaiki	RM490
------------------	-------

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	RM5 660

BATU PAHAT 2020

3. Berikut adalah kesilapan yang ditemui oleh seorang kerani akaun setelah Akaun Perdagangan dan Untung Rugi disediakan pada 30 September 2020.

Sewa dibayar RM1 200 telah direkod sebagai sewa diterima

Apakah kesan pembetulan kesilapan ke atas untung bersih perniagaan?

- A Untung bersih berkurang RM1 200
- B Untung bersih berkurang RM2 400
- C Untung bersih bertambah RM1 200
- D Untung bersih bertambah RM2 400

PULAU PINANG 2020

4. Kesilapan manakah yang tidak ketara dalam Imbangan Duga?

- A Bayaran gaji RM600 secara tunai hanya direkodkan dalam Buku Tunai.
- B Diskaun diberi RM70 telah direkodkan dalam Akaun Diskaun diterima
- C Jualan secara kredit RM255 telah direkodkan dengan RM225 dalam Akaun Jualan
- D Belian alatan pejabat RM500 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Belian

PERLIS 2020

5. Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku peniaga SS Jaya Enterprise:

Belian daripada Haziq RM2 000 telah tersalah catat dalam Akaun Haziqah

Catatan yang manakah membetulkan kesilapan tersebut?

A	JURNAL AM		
	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
	Haziqah Haziq	2 000	2 000

B	JURNAL AM		
	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
	Haziq Haziqah	2 000	2 000

C	JURNAL AM		
	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
	Haziq Haziqah	4 000	4 000

D	JURNAL AM		
	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
	Haziqah Haziq	4 000	4 000

TERENGGANU 2020

6. Kesilapan yang berikut ditemui oleh kerani akaun Perniagaan Melor selepas penyediaan Akaun Untung Rugi.

Pulangan jualan berjumlah RM1 200 tertinggal rekod

Apakah kesan terhadap untung kasar apabila pembetulan dibuat?

- A Untung kasar terlebih nilai RM1 200
- B Untung kasar terkurang nilai RM1 200
- C Untung kasar terlebih nilai RM2 400
- D Untung kasar terkurang nilai RM2 400

JOHOR 2020

7. Jenis kesilapan manakah tidak akan memberi kesan terhadap keseimbangan Imbangan Duga.
- A Kesilapan terbalik
 - B Kesilapan menghitung
 - C Kesilapan ketinggalan satu catatan
 - D Kesilapan perekodan di sebelah yang sama

KELANTAN 2020

8. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Alif.

Pulangan belian RM420 kepada Pembekal Samad tersilap catat sebagai RM402 dalam kedua-dua akaun.

Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pembekal Samad Pulangan Belian	18	18

B Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan Belian Pembekal Samad	18	18

C Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pembekal Samad Pulangan Belian	420	420

D Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Pulangan Belian Pembekal Samad	420	420

KULAI 2020

9. Imbangan Duga berikut diperoleh daripada SS Enterprise pada 30 Jun 2020.

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Lengkapan	12 000	
Inventori 1 Julai 2019	2 000	
Bank	2 300	
Pulangan masuk	200	
Pulangan keluar		400
Komisen diterima		800
Belian	15 000	
Jualan		20 000
Gaji	2 400	
Modal		12 000
Kadar bayaran	1 000	

Selepas Imbangan Duga disediakan, kesilapan berikut dikesan :

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 ialah RM870.
- (ii) Pulangan masuk dan pulangan keluar masing – masing terkurang rekod sebanyak RM60.
- (iii) Kadar bayaran sebanyak RM300 telah direkod sebagai gaji.

Berapakah untung bersih selepas kesilapan dibetulkan?

- A RM190
- B RM540
- C RM610
- D RM1 470

KULAI 2020

MODUL 10 - ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

1. Antara yang berikut, manakah merupakan nisbah keberuntungan?

- I Nisbah semasa
- II Pulangan atas modal
- III Margin untung bersih
- IV Kadar pusing ganti inventori

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

BATU PAHAT 2020

2. Berikut ialah rumus pengiraan bagi nisbah P.

$$P = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$$

Apakah nisbah P?

- A Tokokan
- B Margin untung kasar
- C Margin untung bersih
- D Pulangan atas modal

PULAU PINANG 2020

3. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Widad pada 31 Ogos 2020.

	RM
Perabot	12 000
Akaun Belum Terima	8 000
Overdraf Bank	10 500
Inventori	14 000
Komisen Belum Terperoleh	500

Berapakah nisbah semasa Perniagaan Widad?

- A 3.29 : 1
- B 3.09 : 1
- C 2.14 : 1
- D 2.00 : 1

PULAU PINANG 2020

4. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Runcit Tok Mama.

	RM
Belian tunai	15 300
Belian kredit	169 400
Akaun Belum Bayar	22 900

Berapakah tempoh pembayaran hutang?

- A 51 hari
- B 49 hari
- C 46 hari
- D 33 hari

PULAU PINANG 2020

5. Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Haikal pada 31 Disember 2019.

	RM
Aset bukan semasa	120 000
Aset semasa	80 700
Liabiliti bukan semasa	49 500
Liabiliti semasa	25 000

Berapakah nisbah semasa?

- A 1.49 : 2
- B 2.47 : 1
- C 2.69 : 1
- D 3.23 : 1

PERLIS 2020

6. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Rais pada 31 Disember 2019.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2019	6 800
Inventori pada 31 Disember 2019	3 400
Jualan	35 000
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

- A 2.74 kali
- B 5.49 kali
- C 6.86 kali
- D 8.24 kali

PERLIS 2020

7. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Lailee bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	RM
Akaun belum terima	12 800
Akaun belum bayar	10 500
Jualan kredit	58 250
Jualan tunai	22 900

Berapakah tempoh kutipan hutang Syarikat Lailee?

- A 58 hari
- B 81 hari
- C 105 hari
- D 146 hari

PERLIS 2020

8. Antara berikut, manakah yang merupakan nisbah keberuntungan?

- I Nisbah semasa
- II Pulangan atas modal
- III Margin untung bersih
- IV Kadar pusing ganti inventori

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

TERENGGANU 2020

9. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Restu Enterprise bagi tahun berakhir 31 Mei 2020:

	RM
Jualan	28 000
Kos Jualan	16 000

Berapakah Margin Untung Kasar?

- A 36.36%
- B 42.86%
- C 57.14%
- D 63.64%

TERENGGANU 2020

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Ji Saw Berhad dan Syarikat Puzi Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

	Syarikat Ji Saw Berhad	Syarikat Puzi Berhad
Kadar Pusing Ganti Inventori	4 kali	6 kali

Antara berikut, pernyataan manakah yang benar tentang pengurusan inventori kedua-dua syarikat tersebut?

- I Syarikat Puzi Berhad sentiasa menjual inventori baru berbanding Syarikat Ji Saw Berhad.
- II Syarikat Puzi Berhad lebih cekap menguruskan inventornya berbanding Syarikat Ji Saw Berhad
- III Syarikat Puzi Berhad menukar inventornya setiap 4 bulan sekali manakala Syarikat Ji Saw Berhad menukar inventornya setiap 6 bulan sekali.
- IV Syarikat Puzi Berhad menukar inventornya setiap 2 bulan sekali manakala Syarikat Ji Saw Berhad menukar inventornya setiap 3 bulan sekali.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

TERENGGANU 2020

11. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Runcit Sentosa pada 31 Disember 2019

	RM
Belanja operasi	3 610
Modal pada 1 Januari 2019	30 500
Modal pada 31 Disember 2019	36 600
Untung kasar bagi tahun 2019	8 200
Pengurangan Peruntukan hutang ragu	900

Hitung pulangan atas modal.

- A 15.00%
- B 18.00%
- C 22.40%
- D 26.89%

KELANTAN 2020

12. Maklumat menunjukkan kedudukan modal dan untung bersih sebuah perniagaan runcit bagi empat tahun.

Tahun	Modal Awal (RM)	Modal Akhir (RM)	Untung Bersih (RM)
2016	12 000	24 000	4 000
2017	13 000	18 000	6 000
2018	10 000	16 000	3 500
2019	15 000	20 000	7 240

Prestasi terbaik perniagaan adalah pada tahun

- A 2016
- B 2017
- C 2018
- D 2019

KELANTAN 2020

13. Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah semasa dua buah perniagaan.

	Perniagaan Indah	Makmur Enterprise
Nisbah Semasa	2:1	3:1

Apakah tafsiran yang betul menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A Makmur Enterprise memperoleh kadar keuntungan kasar lebih tinggi berbanding Perniagaan Indah
- B Kedudukan untung keseluruhan Makmur Enterprise adalah lebih baik berbanding Perniagaan Indah
- C Harga jualan Makmur Enterprise lebih tinggi berbanding harga jualan Perniagaan Indah
- D Kedua-dua perniagaan berkemampuan untuk menjelaskan liabiliti semasa

JOHOR 2020

14. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Rozi.

	RM
Inventori awal	2 150
Inventori akhir	1 800
Aset semasa	12 000
Aset bukan semasa	30 000
Liabiliti semasa	6 000
Liabiliti bukan semasa	20 000

Berapakah nisbah semasa bagi Kedai Rozi?

- A 1 : 1
- B 1.5 : 1
- C 2 : 1
- D 2.4 : 1

KULAI 2020

MODUL 11 – REKOD TAK LENGKAP

1. Manakah yang **BUKAN** implikasi rekod tak lengkap?
- A Untung dan rugi mudah ditentukan
 - B Penyata Kewangan sukar disediakan
 - C Imbangan duga tidak dapat disediakan
 - D Perbandingan prestasi perniagaan tidak dapat dilakukan

BATU PAHAT 2020

2. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Kasut Sumayyah pada 31 Ogos 2020.

	RM
Modal pada 1 September 2019	26 400
Modal pada 31 Ogos 2020	33 300
Modal tambahan	2 900

Sekiranya perniagaan memperoleh untung bersih sebanyak RM8 600, hitung ambilan bagi tahun kewangan yang sama.

- A RM 4 600
- B RM 18 400
- C RM 36 900
- D RM 49 200

BATU PAHAT 2020

3. Butiran di bawah dipetik daripada buku Kedai Dobi Hakimi 30 Jun 2020.

	1 Julai 2019 (RM)	30 Jun 2020 (RM)
Baki Akaun Kawalan Lejar Jualan	32 788	59 102

Maklumat tambahan:

- i. Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima adalah berjumlah RM124 119.
- ii. Pulangan masuk dan pulangan keluar masing-masing adalah RM1 374 dan RM1 990.
- iii. Baki kredit Akaun Kawalan Lejar Jualan pada 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM560.
- iv. Jumlah jualan tunai adalah RM9 050.

Berapakah jumlah jualan bagi Kedai Dobi Hakimi?

- A RM99 235
- B RM151 247
- C RM159 539
- D RM160 297

BATU PAHAT 2020

4. Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Rekod perakaunan musnah atau hilang.
- II Catatan urus niaga tidak dibuat langsung.
- III Merekod menggunakan sistem catatan bergu.
- IV Dokumen sumber urus niaga disimpan secara sistematik.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

PERLIS 2020

5. Catatan yang manakah tepat dalam Penyata Mengira Untung Rugi?

A Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal awal		XX
(+) Ambilan		XX
		XX
(-) Modal akhir	XX	
Modal tambahan	XX	(XX)
Untung bersih		XX


B Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal akhir		XX
(+) Ambilan		XX
		XX
(-) Modal awal	XX	
Modal tambahan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

C Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal akhir		XX
(+) Modal tambahan		XX
		XX
(-) Modal awal	XX	
Ambilan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

D Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir ... (petikan)		
	RM	RM
Modal akhir		XX
(+) Modal awal		XX
		XX
(-) Modal tambahan	XX	
Ambilan	XX	(XX)
Untung bersih		XX

PULAU PINANG 2020

6. Maklumat berikut berkaitan analisis maklumat Buku Tunai



Apakah Y?

- A Pulangan barang niaga
- B Ambilan barang
- C Jualan tunai
- D Belian kredit

PULAU PINANG 2020

7. Encik Arun, pemilik kedai runcit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat perniagaannya pada 31 Disember 2019.

Akaun Kawalan Belum Terima			
2019	RM	2019	RM
Jan 1 Baki b/b	12 600	Dis 31 Tunai	18 200
		Diskaun diberi	320
		Baki h/b	10 200

Buku Tunai (petikan)			
2019	RM	2019	RM
Jan 1 Baki b/b	15 500	Dis 31 Belian	1 560
Akaun Belum Terima	18 200		
Jualan	5 300		

Berapakah jumlah jualan?

- A RM5 300
- B RM16 120
- C RM21 420
- D RM23 500

PULAU PINANG 2020

8. Data berikut diambil daripada Perniagaan Muafakat.

	RM
Untung bersih	20 000
Ambilan	5 000
Modal awal	6 300
Modal tambahan	540

Berapakah modal akhir Perniagaan Muafakat?

- A RM10 760
- B RM14 460
- C RM20 760
- D RM21 840

PERLIS 2020

9. Perniagaan Aiza memulakan perniagaan dengan modal tunai di bank sebanyak RM12 000 pada 1 Januari 2019. Perniagaan tersebut tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Aset dan liabiliti pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	RM
Alatan Pejabat	3 000
Inventori	4 000
Akaun Belum Bayar	1 500
Akaun Belum Terima	1 000
Tunai di Bank	9 000
Maklumat Tambahan:	
Ambilan dianggarkan berjumlah RM1 000 sepanjang tahun 2019.	

Hitung untung bersih Perniagaan Aiza bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

- A RM3 500
- B RM4 500
- C RM5 500
- D RM6 500

TERENGGANU 2020

10. Restoran Rihan tidak menyimpan rekod yang lengkap. Maklumat berikut diperoleh daripada buku restoran tersebut.

Penyata Mengira Modal pada 1 Mei 2020	
	RM
P	32 760
Tolak Q	12 540
	20 220

Apakah butiran P dan Q?

- A Aset bukan semasa dan Aset semasa
- B Modal akhir dan Modal awal
- C Hasil dan Belanja
- D Aset dan Liabiliti

TERENGGANU 2020

11. Butiran berikut diambil daripada Kedai My Rieng :

	31 Julai 2019	31 Julai 2020
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	100 000	75 000
Belian tunai	50 000	80 000
Bayaran kepada pembekal	-	125 000

Kirakan belian kredit.

- A RM100 000
- B RM150 000
- C RM180 000
- D RM230 000

TERENGGANU 2020

12. Maklumat yang manakah merujuk kepada amalan rekod tak lengkap

- I Semua dokumen sumber ada dalam simpanan
- II Urus niaga dicatat mengikut kaedah catatan tunggal
- III Catatan penerimaan dan pembayaran sahaja yang dibuat
- IV Sistem catatan bergu digunakan untuk merekod urus niaga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

13. Apakah kesan penyimpanan rekod yang tidak lengkap terhadap perniagaan.

- I Untung atau rugi sukar ditentukan
- II Tafsiran keberuntungan tidak tepat
- III Imbangan Duga boleh dilengkapkan
- IV Penyata Kedudukan Kewangan dapat disediakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KELANTAN 2020

14. Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu?

I Kaedah Analisis
 II Kaedah Perbandingan
 III Kaedah Penilaian Semula
 IV Kaedah Margin Caruman

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

JOHOR 2020

15. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Runcit Cikgu, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	1 Januari 2020
	RM
Inventori	11 900
Perabot	3 200
Bank	4 100
Akaun Belum Bayar	8 600
Akaun Belum Terima	1 700
Kadar bayaran belum bayar	110

Berapakah modal awal kedai tersebut?

- A RM8 790
 B RM12 190
 C RM12 410
 D RM29 610

JOHOR 2020

16. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Iskandar yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	1 September 2019	31 Ogos 2020
Lengkapan	10 000	8 000
Inventori	6 000	5 200
Bank	18 000	20 000
Akaun Belum Terima	4 200	3 700
Akaun Belum Bayar	2 800	4 100

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Untung RM2 600
 B Untung RM6 200
 C Rugi RM2 600
 D Rugi RM6 400

KULAI 2020

17. Pn Normala, pemilik perniagaan Salun Kecantikan Bidadari telah tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2019.

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2019	5 428
Diskaun diberi	340
Pulangan keluar	270
Peruntukan hutang ragu	450
Hutang lapuk	140
Jualan kredit	6 840
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2019	3 862

Berapakah jumlah penerimaan tunai oleh Salun Kecantikan Bidadari ?

- A** RM7 560
- B** RM7 290
- C** RM7 926
- D** RM6 700

KULAI 2020

MODUL 12 - PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

1. Apakah tujuan sistem kawalan tunai diamalkan?
 - A Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai
 - B Memastikan pelaburan tunai dibuat setiap bulan
 - C Memastikan dokumen sokongan dapat dijadikan bukti
 - D Memastikan hutang dijelaskan dengan jumlah tunai yang mencukupi

BATU PAHAT 2020

2. Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Fatin

Sekeping cek untuk bayaran gaji bernilai RM950 yang dibayar oleh bank dicatatkan salah sebagai RM905 dalam Buku Tunai.

Apakah kesan kesilapan tersebut ke atas baki bank?

- A Kedua-dua baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank terlebih sebanyak RM45
- B Kedua-dua baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank berkurang sebanyak RM45
- C Baki Buku Tunai terlebih sebanyak RM45 berbanding dengan Penyata Bank
- D Baki Buku Tunai berkurang sebanyak RM45 berbanding dengan Penyata Bank

BATU PAHAT 2020

3. Jadual di bawah ini menunjukkan anggaran belian Perniagaan Ikhwan bagi bulan Oktober hingga Disember 2019

Bulan	Belian (RM)
Oktober	22 000
November	40 000
Disember	48 000

Maklumat tambahan:

70% daripada belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.

Berapakah jumlah pembayaran tunai pada bulan Disember 2019?

- A RM 27 400
- B RM 42 400
- C RM 54 400
- D RM 62 400

BATU PAHAT 2020

4. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Airiz.

	RM
Baki debit Buku Tunai	4 300
Cek Belum dikemukakan	1 000
Deposit Belum dikreditkan	6 550
Buku Tunai berkurang catat (di sebelah debit)	9

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- A Baki debit RM1 241
- B Baki kredit RM1 241
- C Baki debit RM1 259
- D Baki kredit RM1 259

PULAU PINANG 2020

5. Jadual berikut menunjukkan anggaran jualan perabot Kedai Perabot Ouzi.

Bulan	RM
Oktober	10 000
November	12 000
Disember	16 000

40 % daripada jumlah jualan setiap bulan ialah jualan kredit yang akan diterima pada bulan berikutnya.

Berapakah jumlah penerimaan Kedai Perabot Ouzi bagi bulan Disember?

- A RM9 600
- B RM12 000
- C RM14 400
- D RM16 000

PULAU PINANG 2020

6. Apakah kepentingan penyediaan Belanjawan Tunai?

- A Mengurus perbelanjaan mengikut keutamaan.
- B Mengenalpasti ketepatan catatan di Buku Tunai.
- C Jaminan perniagaan memperoleh pembiayaan bank.
- D Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai.

PERLIS 2020

7. Puan Suraya bercadang memulakan projek tanaman limau bali pada Januari 2019. Maklumat berikut diperoleh daripada belanjawan tunai beliau.

	RM
Modal :	
Tunai di bank	60 000
Peralatan	28 000
Jumlah Penerimaan	87 000
Jumlah Pembayaran	52 000
Lebihan / (Kurangan)	35 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2019?

- A RM35 000
- B RM95 000
- C RM130 000
- D RM158 000

PERLIS 2020

8. Antara berikut, yang manakah butir penerimaan dalam Belanjawan Tunai?

- A Pinjaman bank dan dividen
- B Kadar bayaran dan faedah atas simpanan
- C Belanja am dan belian aset bukan semasa
- D Jualan kredit dan bayaran oleh pelanggan

TERENGGANU 2020

9. Antara berikut, yang manakah kaedah kawalan tunai yang biasa digunakan oleh perniagaan?

- I Pengauditan dibuat terhadap rekod perakaunan sahaja
- II Menyediakan Imbangan Duga untuk menyemak ketepatan akaun
- III Kakitangan yang sama ditugaskan untuk menyimpan rekod dan pengauditan
- IV Mengadakan kata laluan dan sekatan masuk untuk menghalang pihak yang tidak berkenaan mengakses sistem maklumat perakaunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

TERENGGANU 2020

10. Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Kedai Haiwan Peliharaan Khalis pada 31 Mei 2020:

Buku Tunai (Ruangan Bank)			
	2020 Mei 16	Kedai Nemo (No. Cek: 331120)	RM 2 833

Penyata Bank					
